

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH (SANDAKAN)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.05.2016

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan hutang Kerajaan Persekutuan daripada EPF dan jelaskan tujuan serta syarikat yang dimanfaatkan daripada hutang dari EPF.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedudukan terkini jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Disember 2015 adalah sebanyak RM630.5 bilion atau 54.5% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Daripada jumlah berkenaan, 96.6% atau RM609.1 bilion adalah hutang domestik, sementara

bakinya RM21.5 bilion atau 3.4% merupakan pinjaman luar pesisir.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada jumlah hutang domestik, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kekal sebagai pemegang terbesar dengan komposisi pegangan sebanyak 21.6% atau RM131.7 billion. Pinjaman ini adalah dalam bentuk pegangan oleh KWSP dalam instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM65.9 bilion dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia yang berjumlah RM65.8 bilion. Pinjaman yang diperoleh oleh Kerajaan Persekutuan adalah bagi tujuan membiayai perbelanjaan pembangunan yang memberikan kesejahteraan kepada rakyat serta menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan secara tidak langsung memberi manfaat kepada syarikat-syarikat yang melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan negara.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini

seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.